

Dijamin sepenuhnya oleh kerajaan

Lindung deposit RM1 trilion

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
azman.ibrahim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 12 Mei – Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga kini melindungi deposit bernilai kira-kira RM1 trilion sejak ia dilancarkan 1 September 2005.

PIDM akan melindungi sepenuhnya deposit berkenaan sehingga 31 Disember 2010 dan ia dijamin sepenuhnya oleh kerajaan.

Pengurus Besar PIDM, S. Loganathan berkata, perlindungan insurans maksimum deposit bagi setiap

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai perlindungan tertinggi berbanding negara-negara lain

– **S. LOGANATHAN**
Pengurus Besar PIDM

akaun adalah sebanyak RM60,000.

“Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai perlindungan tertinggi berbanding negara-negara lain,” katanya selepas memberi taklimat media mengenai

Kempen Kesedaran PIDM di sini hari ini.

PIDM melindungi deposit 22 bank komersial yang dilesenkan, 17 perbankan Islam, 15 bank pelaburan, tiga perbankan Islam antara-

bangsa dan lima institusi pembangunan kewangan (DFI) di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia.

Loganathan menjangkakan kesedaran tentang pentingnya perlindungan deposit di kalangan penduduk negara ini meningkat kepada 30 peratus pada tahun ini berbanding 27 peratus pada tahun lalu.

Jelasnya, pihaknya berharap dengan kempen minggu kesedaran insurans deposit dunia yang bermula semalam hingga 15 Mei ini, penduduk negara ini akan lebih

berpengetahuan mengenai hak mereka dan peranan yang dimainkan PIDM.

Katanya, tugas untuk memberi kesedaran kepada rakyat tidak mudah kerana ia mengambil tempoh yang panjang.

“Rakyat perlu mengetahui hak dan jaminan kewangan mereka sekiranya mana-mana institusi bank menutup operasi di negara ini,” katanya.

PIDM memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk program mempromosi insurans deposit melalui media massa.